

PANDUAN PERMOHONAN PATEN DAN PENGKOMERSILAN PRODUK INOVASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Disediakan oleh: PgKB I Ramzi bin Malek



PENGENALAN PANDUAN

Menyelaras dan melancarkan proses permohonan paten dan proses pengkomersilan bagi produk/projek inovasi yang telah dihasilkan oleh warga jabatan.



PERANAN PUSPEK DALAM PENGURUSAN PRODUK INOVASI JBPM

- Menguruskan anugerah, persidangan, bengkel dan pameran Hari Inovasi peringkat kebangsaan.
- Memberi khidmat nasihat dan memudahcara perekacipta bagi aktiviti pengkomersilan harta intelek produk inovasi.
- Membantu aspek pembiayaan bagi meningkatkan aktiviti pengkomersilkan produk inovasi JBPM.



1. Mengemukakan permohonan pendaftaran paten kepada PUSPEK.

2. PUSPEK merekodkan permohonan dan melantik jawatankuasa penilai untuk bersidang.

3. Jawatankuasa penilai akan bersidang sama ada permohonan paten perlu diteruskan ataupun tidak.

4. Jika lulus, PUSPEK akan melantik dan memantau paten agen.

5. Memastikan paten agen membuat pendaftaran paten di Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO).

1 PROSES PERMOHONAN DAFTAR PATEN

2 PROSES PENGKOMERSILAN PRODUK INOVASI

1. Mengemukakan permohonan pengkomersilan produk inovasi kepada PUSPEK

2. PUSPEK merekodkan permohonan dan memberikan maklumbalas kepada YAS Ketua Pengarah

3. Sekira disokong oleh YAS Ketua Pengarah, proses perbincangan dan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan pihak berkepentingan.

4. Melaksanakan tindakan pengkomersilan berdasarkan terma MoU

BULETIN

PUSAT PENYELIDIKAN KEBOMBAAN

EDISI: 2/2019

KELUARAN BULAN: MAC



EDISI PERCUMA



MENARIK DALAM EDISI INI

- Penyelidikan Penilaian Faktor Risiko Status Kesihatan Anggota Bomba. (UKM-PUSPEK) (ms. 2)
- Kelulusan JBPM bagi bahan kelas 'O' mengikut standard BS 476: Part 6:1989+A1 2006 & BS 476: Part 7: 1997 (ms. 3)
- Panduan Permohonan Paten dan Pengkomersilan Produk Inovasi JBPM (ms. 4)

FACT

SIDANG REDAKSI



Penaung
PKPJ Dato' Yusof bin Sidek

Sidang Editor
Ketua-ketua Cawangan Kajian

Editor
PgKB II Andy Alie

Fotografi
PB Sadam bin Abdul Hamid

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN,
LENGKOK TEKNOLOGI,
KAWASAN PERINDUSTRIAN ENSTEK,
71760 NILAI, NEGERI SEMBILAN.

Telefon : 606-7997600
Faks : 606-7997604
Email : research.bomba@1govuc.gov.my

PENYELIDIKAN PENILAIAN FAKTOR RISIKO STATUS KESIHATAN ANGGOTA BOMBA MALAYSIA (UKM-PUSPEK)

PENGENALAN

Pada tahun 2016, Pusat Penyelidikan Kebompaan (PUSPEK) dengan kerjasama Fakulti Sains Kesihatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menjalankan penyelidikan secara saintifik dan menyeluruh meliputi sebab dan punca kematian pegawai bomba. Kajian ini telah selesai sepenuhnya pada tahun 2018.

Kajian ini menggabungkan hasil kajian terdahulu "Status Kesihatan dan Tekanan Oksidatif dan Hubungkait Antara Obesiti, Tekanan Pekerjaan dan Kadar Kecelakaan dalam Kalangan Anggota Bomba".

Seramai 331 anggota yang terlibat dalam kajian ini. Antara negeri yang terlibat adalah Melaka, Johor, Kelantan, Pahang, Selangor, Kuala Lumpur, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Disediakan oleh: Pusat Penyelidikan Kebompaan



ANALISA KEPUTUSAN


Primary data yang dikumpul daripada kerja lapangan:

- Tinggi
- Berat
- Ukuran pinggang
- BMI
- Sampel air liur
- Sampel darah
- Tekanan darah



DATA KAJIAN

- Anggota berkhidmat dibalai (yang terlibat secara aktif dengan operasi).
- Umur antara 35 hingga 55 tahun.
- Berkhidmat 5 tahun atau lebih.
- Tidak pernah terlibat dalam kajian UKM-BOMBA



KELULUSAN JBPM BAGI PERAKUAN BAHAN KELAS 'O' MENGIKUT PIAWAIAN BS 476: Part 6:1989+A1 2006 dan BS 476: Part 7: 1997

Disediakan oleh: PgKB II Andy Alie



Bagi kelulusan perakuan bahan kelas 'O', Jabatan telah menetapkan bahawa bahan ini wajib menjalani 2 jenis ujian bagi menentukan tahap kemerebakkan dan tahap rintangan api pada lapisan bahan tersebut. Ujian-ujian tersebut perlu mengikut piawaian;


- BS 476: Part 6:1989+A1 2006 *Method of test for fire propagation for products.*
- BS 476: Part 7: 1997 *Method of test to determine the classification of the surface spread of flame of products.*

Bahan **KELAS 'O'** ditakrifkan dalam Undang-undang Kecil (UUK 204), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) adalah permukaan yang tiada kemerebakkan api. Bahan permukaan itu hendaklah mempunyai *Fire Propagation Index (I)* tidak lebih dari nilai 12 dan *sub- indeks (i)* tidak lebih daripada nilai 6.

BS 476: Part 6:1989+A1 2006 Method of test for fire propagation for products.

Tujuan ujian ini adalah untuk menilai prestasi lapisan dinding dan lapisan siling untuk bahan kelas 'O'.

Bacaan dinyatakan sebagai indeks kemerebakkan api yang memberikan ukuran hasil peningkatan kebakaran disebabkan oleh bahan asas, komposit atau komposisi tambahan.



Fasiliti ujian mengikut piawaian BS 476:Part 6

Time mins	Specimen Temperature Deg C Ts	Calibration Temperature Deg C Tc	Ts-Tc/10t	Sub Index Of Performance
0.50	12	12	0.00	
1.00	18	18	0.00	
1.50	26	22	0.27	
2.00	34	26	0.40	
2.50	39	30	0.36	
3.00	45	34	0.37	1.39
4.00	80	65	0.38	
5.00	149	99	1.00	
6.00	190	126	1.07	
7.00	227	148	1.13	
8.00	260	165	1.19	
9.00	283	178	1.17	
10.00	281	191	0.90	6.82
12.00	263	205	0.48	
14.00	256	215	0.29	
16.00	258	225	0.21	
18.00	259	230	0.16	
20.00	260	232	0.14	1.28
Total Index of Performance S				= 9.50

SubIndex s1	1.39
SubIndex s2	6.82
SubIndex s3	1.28
Index of Performance S	9.50

Contoh keputusan pengiraan nilai SubIndex (i) dan Index of Fire Propagation (I)

BS 476: Part 7: 1997 Method of test to determine the classification of the surface spread of flame of products.

Ujian untuk mengukur kemerebakkan api (milimeter) sepanjang permukaan spesimen produk dalam kedudukan menegak. Ia juga sistem klasifikasi berdasarkan kadar dan tahap penyebaran api pada permukaan sesuatu bahan.

Ujian ini menyediakan data yang sesuai untuk membandingkan prestasi tahap rintangan api pada bahan asas, komposit atau bahan lain yang digunakan terutamanya sebagai permukaan dinding atau siling yang terdedah.

Bagaimanakah ujian BS 476: Part 7: 1997 dilaksanakan?

1. Hidupkan *pilot flame*.
2. Spesimen diletakkan dalam kedudukan 90 darjah atau lebih.
3. Kemudian spesimen dihadapkan ke dalam, dan segera memulakan masa ujian.
4. Padamkan *pilot flame* 1 minit selepas permulaan ujian.
5. Menamatkan ujian apabila nyalaan api mencapai garis rujukan 825 mm, atau selepas 10 minit telah berlalu, yang terdahulu.
6. Rekod bacaan jarak kemerebakkan pada spesimen.



Fasiliti ujian mengikut piawaian BS 476:Part 7